

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG]

SOALAN :

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan masih akan meneruskan tindakan ekstradisi ke atas Koperal Sirul Azhar Umar walaupun Kerajaan Australia berkeras tidak akan mengekstradiksi bekas komando tersebut dan apakah Kerajaan yakin tindakan ekstradiksi itu akan berjaya; dan
- (b) mengapakah Pendakwa Raya enggan menggunakan seksyen 56A Akta Mahkamah Kehakiman 1964 bagi meminta mahkamah menahan Sirul sementara rayuan di Mahkamah Persekutuan didengar.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Koperal Sirul Azhar Umar telah dilepaskan dan dibebaskan oleh Mahkamah Rayuan daripada sabitan dan hukuman gantung mandatori pada 23 Ogos 2013. Memandangkan beliau telah dilepaskan dan dibebaskan oleh Mahkamah Rayuan daripada sabitan dan hukuman gantung mandatori, beliau adalah bebas untuk menggunakan pasport miliknya bagi tujuan perjalanan ke luar negara.

2. Untuk makluman, Koperal Sirul Azhar Umar dan Cif Inspektor Azilah Hadri telah hadir di perbicaraan rayuan bersama-sama peguam bela mereka sepanjang perbicaraan rayuan di Mahkamah Persekutuan dari 23 hingga 25 Jun 2014,

3. Bagi kes seseorang tertuduh yang telah dilepaskan dan dibebaskan daripada sesuatu pertuduhan oleh Mahkamah Tinggi, Mahkamah diberi kuasa untuk membuat perintah untuk menangkap tertuduh tersebut atau membenarkan jamin sehingga pelupusan rayuan perayu di Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan. Kuasa ini diperuntukkan di bawah seksyen 56A Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91] bagi memastikan hak pendakwaan untuk merayu tidaklah akademik ataupun sia-sia disebabkan ketidakhadiran tertuduh yang telah dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan.

4. Berdasarkan kenyataan serta fakta kes yang dikemukakan, tiada alasan yang boleh digunakan oleh pihak pendakwaan bagi menyokong suatu permohonan waran tangkap di bawah seksyen 56A Akta Mahkamah Kehakiman 1964, termasuk perintah penahanan pasport ataupun membenarkan sebarang jaminan terhadap Koperal Sirul Azhar Umar sehingga pelupusan rayuan di Mahkamah Persekutuan.

5. Permohonan di bawah seksyen 56A Akta Mahkamah Kehakiman 1964 terpakai bagi mana-mana tertuduh yang telah dilepaskan dan dibebaskan oleh mahkamah, terutama sekali terhadap tertuduh bukan warganegara Malaysia. Ini kerana terdapat risiko besar tertuduh bukan warganegara tidak akan menghadiri perbicaraan rayuan terhadapnya.

6. Pada masa ini, pihak Kementerian Dalam Negeri sedang dalam proses untuk memulakan rundingan dengan Kerajaan Australia untuk membawa balik Sirul ke Malaysia bagi menjalani hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Persekutuan. Walaupun Malaysia dan Australia mempunyai triti ekstradisi yang telah ditandatangani pada 15 November 2005, namun proses ini memakan masa kerana ia melibatkan isu perundangan yang rumit dan perlu dikendalikan dengan teliti.

Sekian, terima kasih.